

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 MARCH 2015

PM mahu contohi kepemimpinan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq

UM - 7/3/2015

KUALA LUMPUR 6 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau akan mencontohi cara kepemimpinan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq yang disifatkan ada 'ketegasan dalam kelembutan'.

Beliau berkata, sifat kepemimpinan khalifah pertama Islam itu akan menjadi pedoman buat beliau untuk memperbaiki diri.

"Alhamdulillah dikurniakan rahmat Allah SWT hari ini untuk bersama para jemaah menunaikan solat Jumaat di Masjid Ar-Rahah,

Kerinchi.

"Khutbah hari ini mengenai sifat 'Ketegasan Dalam Kelembutan' Khalifah Saidina Abu Bakar as-Siddiq r.a. Insya-Allah akan jadi pedoman saya untuk perbaiki diri dan contohi kepemimpinan beliau," katanya menerusi laman sosial Facebook miliknya, hari ini.

Pengkisahan kepemimpinan Khalifah Abu Bakar itu merupakan intipati khutbah Jumaat yang diikuti Perdana Menteri ketika beliau menunaikan solat Jumaat di Masjid Ar-Rahah, Kerinchi, di sini.